

18 MAY 2002

M'SIA, S'PURA SAMBUNG RUNDINGAN PADA 1 DAN 2 JULAI

SINGAPURA, 18 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Singapura akan menyambung rundingan mengenai pakej isu-isu dua hala pada 1 dan 2 Julai di Kuala Lumpur.

Laporan Straits Times menyebut Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Singapura, S.Jayakumar akan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan pakej itu yang tertangguh ekoran penetapan harga baru bekalan air ke negara kepulauan itu.

Rundingan yang berlarutan itu telah menguji hubungan dua hala sejak tiga tahun lepas setelah perdana menteri kedua-dua negara bersetuju untuk menyelesaikan isu-isu berkenaan menerusi satu pakej pada Disember 1998.

Sejak itu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, berrunding mengenainya, terutama, perjanjian bekalan air.

Isu lain dalam pakej itu ialah pembangunan tanah kereta api milik Malaysia di Singapura, pusat pemeriksaan kastam dan imigresen di stesen kereta api di sini, penggunaan ruang angkasa Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan simpanan pencen rakyat Malaysia di Singapura.

-- BERNAMA
TCL YBY LAT